

09/06/2001

MCA sedia jual balik saham Nanyang Press: Dr Ling

KUALA LUMPUR, Jumaat - MCA sedia memegang minoriti saham Huaren Management Sdn Bhd (Huaren) dalam Nanyang Press Holdings Bhd (Nanyang Press) jika ada pembeli yang mengemukakan tawaran lebih tinggi.

Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata jika ada tawaran lebih tinggi daripada mana-mana pihak, beliau akan mengemukakannya kepada Jawatankuasa Pusat (CC) MCA untuk pertimbangan.

Beliau berkata, MCA akan memberi pertimbangan serius terhadap setiap cadangan yang dikemukakan untuk tawaran itu.

"Jika ada tawaran lima kali lebih tinggi daripada harga belian asal kami, kami akan mempertimbangkannya.

"Tetapi, saya tidak rasa ada orang akan memberikan tawaran itu. Dengan keadaan ekonomi negara sekarang, saya rasa adalah mustahil untuk mana-mana pihak memberi tawaran sedemikian," katanya selepas merasmikan bangunan baru Persekutuan Catur Cina Malaysia di sini, hari ini.

Katanya, tawaran tidak terhad itu terbuka kepada orang ramai sama ada individu atau kumpulan jika mereka berkemampuan untuk menambah nilai kepada saham Nanyang Press.

"Kami akan mengkaji cadangan mereka. Mereka yang berkemampuan, berbakat, mempunyai kemampuan dari segi kewangan, kami akan memikirkannya secara serius.

"Tiada had kepada saham yang ditawarkan. Kami tidak perlu tetap menjadi majoriti. Kami boleh jadi pemegang minoriti.

"Yang penting ialah mencari rakan kongsi yang tepat, dengan kebolehan yang dikehendaki untuk menambah nilai kepada aset," katanya.

Pada 28 Mei lalu, Huaren menandatangani perjanjian untuk membeli 41,840,902 saham biasa Nanyang Press daripada anak syarikat Kumpulan Hong Leong Bhd, Hume Industries (M) Bhd dan Hume Plastic Sdn Bhd dengan harga RM5.50 sesaham.

Urus niaga itu selesai pada 31 Mei lalu apabila semua saham biasa Nanyang Press dipindah kepada Huaren pada pertimbangan RM230.1 juta secara tunai.

Dr Ling berkata, mereka yang berminat boleh menulis cadangan kepada MCA mengenai cara sumbangan mereka ke arah pertambahan nilai saham Nanyang Press sebelum 17 Mei ini.

Ditanya adakah ia akan menjejaskan kepentingan Cina, beliau berpendapat kebanyakan daripada mereka yang berminat adalah orang Cina.

Mengenai jika tiada pihak yang ingin memberi tawaran, beliau berkata, apa yang penting adalah MCA ikhlas.

"Kami tidak takut untuk dimonopoli atau memberi kuasa kawalan kepada pihak lain.

"Kami benar-benar hendak menambahkan nilai kepada saham Nanyang Press," katanya.

Ditanya sama ada benar Public Bank memberi pinjaman kepada Huaren, Dr Ling mengesahkannya.

Sementara itu, Dr Ling berkata beliau akan memberi penjelasan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai pengambilalihan yang menimbulkan kontroversi itu.

Katanya, beliau juga akan memberi penjelasan mengenai isu itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jika Perdana Menteri memanggil beliau.

"Kita akan memberi pertimbangan serius kepada kebimbangan Abdullah," katanya.

(END)